



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - SST: Industri Pengiklanan Tertekan](#)

Utusan Malaysia - SST: Industri Pengiklanan Tertekan

🕒 Khamis, Okt 25 2018



SST: Industri pengiklanan tertekan

“

Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan pihak Kastam, kesan SST berganda akan memberi implikasi berterusan kepada perbelanjaan perniagaan bagi pelanggan.”

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

elzainon@utusan.com.my *Utusan Malaysia*

■ KUALA LUMPUR 24 OKT. *Utusan Malaysia*

INDUSTRI pengiklanan kini tertekan dan bimbang jika cukai berganda dikenakan ke atas mereka, yang ternyata satu perkara membebaskan bukan sahaja kepada agensi terlibat tetapi mungkin kepada pengiklan.

Perkara ini disuarakan oleh pemain industri pengiklanan yang masih kabur tentang penetapan kerajaan terhadap perkara ini sejak cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dilaksanakan 1 September lalu.

Mengikut laporan portal *marketingmagazine.com*, mereka terpaksa menanggung sehingga tiga kali cukai tersebut dan sehingga kini tiada sebarang penjelasan lanjut diberikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam).

Menurut Ketua Pegawai Kewangan IPG Mediabrands Malaysia, R. Murali, berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan pihak Kastam, kesan SST berganda akan memberi implikasi berterusan kepada perbelanjaan perniagaan bagi pelanggan.

“Kami sudah pun berjumpa dengan beberapa pelanggan untuk melihat bagaimana cukai ini akan memberi tambahan peruntukan kepada perniagaan mereka tanpa bantuan cukai input.”

“Ini bermakna pada dasarnya mereka akan membayar enam peratus untuk kos lulus pada invoice agensi, di atas enam peratus untuk kos yang sama yang dikenakan sebelum ini melalui invoice pemilik media. Sudah tentu ini akan menjejaskan peruntukan pelanggan dan juga industri pengiklanan,” katanya.

Persatuan Pakar Media, Yap Chee Weng berkata, Kastam sebelum ini menekankan

supaya pengiklan dan agensi media melaksanakan cukai berganda pada SST dan jika ini dibuat, pengguna akhir (iaitu pengiklan) akan dikenakan SST lebih daripada sekali.

“Ini jelas bertentangan dengan prinsip sistem cukai yang baik, yang mana pihak berkuasa cukai cuba mengelak seboleh mungkin. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjejaskan keseluruhan ekosistem pengiklanan di Malaysia,” katanya.

Apa yang lebih mengelirukan pemain industri, apabila pemilik media mengenakan caj kepada agensi (enam peratus SST) dalam invoice, agensi tersebut kemudiannya akan menambah lagi enam peratus cukai dalam bil apabila diinvoicekan kepada pelanggan.

Sebagai contoh, invoice asal kepada agensi ialah RM106, dan agensi akan mengeluarkan bil kepada pelanggan sebanyak RM112.36 selepas menambah

enam peratus lagi cukai berkenaan. Malah, ia akan terus bertambah jika ada bil seterusnya.

Dalam pertemuan dengan Kastam minggu lalu, termasuk ketua pegawai kewangan, mereka membangkitkan perkara ini kerana kemungkinan jumlah itu akan meningkat dua atau tiga kali ganda, yang jelas bertentangan dengan garis panduan yang dikeluarkan sebelum itu.

Lebih mengecewakan, pendapatan bagi perniagaan akan terjejas dalam lingkaran cukai pengkompaunan yang akan mengalirkan pendapatan mereka secara berperingkat. Tambah memeritkan, mereka tidak boleh membuat tuntutan bayaran balik, tidak seperti cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Keadaan ini akan membukakan lagi persaingan yang tidak sihat dalam persekitaran perniagaan di Malaysia, apatah lagi Google dan Facebook men-

dominasi 75 peratus daripada hasil pengiklanan digital.

Malah, syarikat-syarikat ini tidak perlu membayar GST (ketika dilaksanakan dulu) seperti yang perlu dibuat oleh syarikat lain di negara ini apabila membeli ruang pengiklanan.

Pengarah Komersial Kewangan Dentsu Aegis Network, Daniel Tan berkata, cukai SST memberi kesan kepada pelbagai kos perniagaan tambahan pula pada ketika sentimen pengguna masih kekal lemah.

Katanya, peningkatan kos perniagaan akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan juga meningkat.

“Langkah tergesa-gesa kerajaan baharu untuk melaksanakan SST bagi menggantikan GST sewajarnya perlu dilihat semula memandangkan ia bertentangan dengan semangat SST untuk mengurangkan beban cukai ke atas pengguna dan perniagaan,” katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216